

25 JUL 2000

Kadazandusun-BN

UPKO YAKIN KADAZAN/DUSUN/MURUT CAPAI KEMAJUAN MELALUI BN

Oleh: Mohd Nasir Yusof

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Parti Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) merupakan parti pertama dari Sabah yang akan mempunyai cawangannya di Semenanjung dan Sarawak apabila cadangan pembesaran itu diluluskan pada Kongres UPKO Khamis ini.

Setiausaha Agung UPKO Datuk Wences Angang berkata pelebaran sayap itu dirancang untuk membolehkan UPKO menampung minat anggota masyarakat Kadazandusun dan Murut yang berjumlah berpuluh ribu yang bekerja di seluruh negara.

"Ini dijangka diluluskan pada kongres dua hari yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Untuk itu, kita akan membuat pindaan kepada perlembagaan parti," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata kongres itu juga akan membuat pindaan perlembagaan bagi membolehkan UPKO menambah perkataan Murut pada namanya, menjadikannya Parti Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu tetapi masih kekal dengan singkatan UPKO.

Menurutnya, UPKO yang merupakan satu daripada tiga parti utama yang asal di Sabah yang diwujudkan sebelum Merdeka dibubarkan pada tahun 1967 tetapi dihidupkan semula apabila Parti Demokratik Sabah (PDS) menukar namanya kepada UPKO sejak Ogos tahun lepas.

"Sokongan berlipatganda kami terima selepas perubahan nama itu," katanya sambil memberi contoh pertambahan anggota daripada 50,000 orang ketika masih dikenali sebagai PDS, kepada lebih 100,000 orang apabila berubah kepada UPKO.

Wences berkata sokongan kuat yang diterimanya daripada kaum Bumiputera Sabah itu menunjukkan satu perubahan ketara dalam perkembangan politik di Sabah iaitu kaum Kadazandusun dan Murut yang sebelum ini dikaitkan rapat dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) telah berubah kepada UPKO.

Beliau yakin kaum Kadazandusun dan Murut yang diwakili UPKO mampu mencapai tahap kemajuan dalam arus perdana pembangunan negara melalui Barisan Nasional (BN).

"Keyakinan itu bukan sahaja kerana kepimpinan BN yang bijaksana di bawah teraju Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi juga terbit dengan bertambahnya sokongan kepada UPKO... yang hanya membuktikan satu perkara yang nyata iaitu kita juga mahu bersama dalam arus pembangunan," katanya.

Katanya, selain pertambahan bilangan anggota, sokongan kuat kaum itu kepada UPKO juga terbukti apabila UPKO kini memenangi tiga kerusi Parlimen, tiga kerusi Dewan Negeri serta diberikan satu kerusi senator.

"Kita hidupkan UPKO dengan tujuan untuk lebih meyakinkan kaum Kadazandusun Murut untuk menyokong BN dan ini telah kita capai dan akan terus kita pertingkatkan," katanya.

Wences berkata satu lagi bukti sokongan kuat terhadap UPKO, yang kini mampu menarik bekas penyokong PBS, kemenangan presidennya Tan Sri Bernard Dompok bagi kerusi Parlimen Kinabalu dengan majoriti besar 6,000 undi pada pilihan raya umum lepas.

Katanya, undi terhadap PBS juga merosot teruk dengan memberikan contoh majoriti 250 undi sahaja yang diperolehi Presiden PBS Datuk Seri Pairin Kitingan di Keningau, yang lebih 90 peratus pengundinya Kadazadusun, berbanding lebih 8,700 undi sebelumnya.

Katanya, UPKO yang kini mempunyai 25 bahagian dan 1,600 cawangan di seluruh Sabah dan Labuan, diterima oleh kaum Kadazandusun dan Murut sebagai

"rumah" atau "kenderaan" untuk kaum mereka seperti juga parti komponen lain MIC untuk India, MCA untuk Cina dan Umno untuk Melayu.

"Mereka sama ada golongan lama atau muda sedar UPKO adalah khas untuk mereka dalam BN dan melalui UPKO, sejak kita sertai BN pada 1994, kita telah mencapai banyak kejayaan untuk kaum ini... terbesarnya ialah kelulusan kerajaan bagi bahasa Kadazandusun diajar sebagai mata pelajaran di sekolah di Sabah," katanya.

Wences yang juga Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah, berkata memang UPKO mungkin mendapat tempat yang agak sentimental di hati kaum Kadazandusun dan Murut.

"Namun kepimpinan parti berpijak ke bumi... Kita berusaha membawa kemajuan yang nyata selaras arus perdana pembangunan negara untuk mereka melalui BN untuk rakyat," katanya.

Wences berkata antara pencapaian UPKO ialah peruntukan satu kerusi senat Universiti Malaysia Sabah bagi kaum Kadazandusun dan Murut, dan UPKO telah memperuntukkan RM2 juta melalui kerajaan negeri kepada universiti itu untuk menjalankan kajian mengenai kaum itu.

Melalui UPKO juga kaum Kadazandusun Murut kini, buat pertama kalinya mempunyai Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazan Dusun bagi bersama-sama dewan perniagaan Melayu dan Cina memajukan perniagaan dan memanfaatkan peluang-peluang ekonomi, katanya.

"UPKO tetap bersama BN untuk bawa kaum Kadazan Dusun Murut ke dalam arus pembangunan perdana negara. Kita tidak punyai pilihan lain kerana kita negara berbilang kaum dan kita mesti bekerjasama serta berkongsi kuasa untuk terus maju, aman damai sepanjang masa," tambahnya.

Beliau berkata kongres UPKO akan membincangkan empat perkara utama iaitu pendidikan, ekonomi, politik dan perpaduan yang akan menentukan arah dan hala tuju kaum Kadazadusun dan Murut bersama BN di alaf baru.

-- BERNAMA

MNY AHH FAZ